

# 8 GAMES OTAK KANAN ANAK

**T**AMIKAH ANDA? TERDAPAT RATUSAN KAJIAN SAINTIFIK BERJAYA MEMBUKTIKAN BAHAWA AKTIVITI MERANGSANG OTAK KANAN MAMPU MEMBERI PELBAGAI MANFAAT DAN MEMBUAT MINDA MANUSIA KEKAL AKTIF.

Malah sekiranya simulasi yang diberikan bersesuaian dan diamalkan semenjak anak berusia enam bulan, minda si kecil bakal berkembang pesat secara optimum. Situasi ini secara tidak langsung akan membentuk mereka menjadi seorang manusia yang cerdas, positif dan kreatif pada masa akan datang!

Mengambil kira akan realiti ini, ibu bapa perlu bangkit memikirkan langkah tepat 'mengejutkan' otak kanan anak. Justeru, apakah tindakan yang ibu bapa perlu lakukan untuk mencapai hasrat ini?

Apa kata anda menggunakan peluang 'keemasan' yang ada dengan membuat sedikit inovasi saat anak bermain. Dan dalam masa yang sama, dedahkan anak kepada ilmu yang dapat membina minat dan kecenderungan mereka terhadap sesuatu walaupun hakikat anak sedang bergembira.

Pun begitu harus diingati, pembelajaran melalui bermain perlu diatur secara simple and straightforward. Sebagai permulaan, ikuti aturan lapan jenis permainan mudah namun menghiburkan berikut agar minda anak cerdas dan pintar.

*Bentukan Haiwan Kesukaanmu!*

Anda boleh merangsang kreativiti anak dengan menggalakkan mereka membina bentuk-bentuk tertentu termasuk haiwan kesukaannya dengan tanah liat. Tidak terikat dengan bentuk haiwan semata-mata, objek lain seperti kereta, rumah dan sebagainya juga boleh dibuat untuk terus merangsang otak kanan anak.

*Origami*

Lipatan kertas memandu anak menyusun tindakan demi tindakan secara sistematik saat membuat origami. Kepelbagaian bentuk yang dihasilkan juga menggesa imaginasi anak, sekali gus membantu kognitif otak kanan anak kekal aktif.

*Bercerita*

Anda boleh meminta anak menyambung cerita yang anda ceritakan. Biarkan mereka menggunakan daya imaginasi.

*Bermain Teka-teki*

Caranya? Cuba letakkan satu barang dalam kotak mahupun bekas bertutup. Kemudian berikan dorongan agar anak meneka kandungan bekas tersebut. Berikan klu mudah untuk membantu anak memberikan jawapan yang tepat.

*Bersahabat Dengan Gunting?*

Biarkan anak mengunting kertas dengan pelbagai bentuk. Mungkin anda boleh membantu dengan menyediakan lembaran kertas dengan imej comel. Antaranya, gambar haiwan, garisan, bentuk-bentuk mahupun bunga-bunga. Namun sebelum itu pastikan anak diberi gunting yang bersesuaian untuk mengelakkan sebarang kecederaan!

*Manik, benang & Straw*

Apa kata anda galakan anak memasukkan manik-manik berwarna-warni ke dalam tali ataupun straw minuman. Walaupun mungkin pada mulanya agak sukar untuk anak melakukan aktiviti ini, namun anda perlu mengajarnya berulang kali. Percayalah, bukan hanya otak kanan dapat dilatih, kekuatan tangan dan ketajaman peliharaan turut mendapat manfaatnya.

*Melukis*

Anak kecil memang gemar melakar lukisan sehinggakan terkadang mereka berkarya di tempat 'tidak' sepatutnya seperti di dinding mahupun sofa. Pun begitu, ibu bapa jangan sesekali memarahi tindakan anak ini dengan keras. Sebaiknya tegur dengan berhemah dan alihkan aktiviti menjana kreativiti anak ini pada kertas. Sebagai ibu bapa, beri anak peluang untuk berimaginasi agar anak kreatif.

*Kad imbasan*

Mula perkenalkan abjad atau nombor dengan menggunakan kad secara perlahan-lahan. Apabila tiba suatu ketika, gerakan kad dengan laju dalam masa yang sama biarkan anak menyebut abjad dan nombor tersebut. Mengapa perlu diatur sedemikian? Kerana semakin laju kad digerakkan, otak kanan juga bekerja keras untuk menangkap apa yang ditunjukkan.

